

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH

TARIKH : 9 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9369

SOALAN :

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) apakah usaha terkini pihak Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam memerangi gejala dadah di negara ini serta kejayaan yang telah dicapai oleh pihak AADK dan PDRM; dan
- (b) statistik mengenai dengan jumlah tangkapan dan hukuman yang telah dijatuhkan menurut pecahan negeri.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sangat memandang serius masalah dadah dalam negara termasuk dadah sintetik. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah telah diambil dan akan terus diambil bagi menangani masalah ini.

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri semasa Majlis Perasmian Hari Antidadah Peringkat Kebangsaan yang diadakan di Lawas, Sarawak pada 28 Februari 2016 telah mengisytiharkan tahun 2016 sebagai tahun memerangi dadah secara habis-habisan.

Selaras dengan pengumuman tersebut, Kementerian Dalam Negeri melalui Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah menggerakkan program Perangi Dadah Habis-habisan (PDH) yang merupakan strategi terbaru Kerajaan untuk menangani masalah dadah, termasuk dadah sintetik. Matlamat utama PDH ialah membersihkan 178 buah kawasan berisiko di seluruh negara secara berperingkat dari segi penawaran dan permintaan dadah, dengan memberi fokus kepada:

- a) Peringkat pertama pembersihan menyeluruh di 14 kawasan paling berisiko tinggi di setiap negeri yang telah dipilih sebagai *focal point* dan projek rintis bagi menilai keberkesanan strategi dan program PDH;**

- b) Pelaksanaan enam (6) program dan sekurang-kurangnya 29 aktiviti utama di bawah PDH;**
- c) 3 buah kawasan sasaran utama iaitu kawasan nelayan, penempatan tanah rancangan (FELDA dan FELCRA) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR); dan**
- d) Meningkatkan kerjasama dan penglibatan pelbagai agensi pelaksana dan komuniti setempat dalam PDH sebagai perancang, penggerak dan pemilik hak (*ownership*) dalam setiap program dan aktiviti pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan dadah, dan penguatkuasaan dadah.**

Pendekatan dan strategi PDH adalah dengan menggunakan pendekatan menggerakkan (*mobilise*) agensi-agensi kerajaan, swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti secara bersama dalam memerangi dadah bagi mengurangkan penawaran dan permintaan dadah. Pendekatan-pendekatan ini dilaksanakan melalui tiga strategi teras iaitu pendidikan pencegahan, rawatan dan pemulihan, dan penguatkuasaan dadah.

Sejak pelaksanaan PDH, sebanyak 113 Ops Cegah dan 25 Ops Sarang, iaitu operasi pengesanan dan penahanan penagih dadah telah dijalankan, di mana 2,396 orang telah ditahan dan dibawa untuk menjalankan rawatan dan pemulihan. Selain itu, 74 program *Community Empowerment* juga telah dijalankan, dengan penglibatan 4,965 orang.

Di samping itu, daripada segi rawatan dan pemulihan penagihan dadah jenis sintetik, AADK telah menjadikan Klinik *Cure & Care* Tampoi di Johor Bahru sebagai fasiliti perintis untuk rawatan dan pemulihan dadah jenis sintetik. Bermula dari Julai 2014 hingga September 2016, seramai 383 orang penagih dadah sintetik telah menjalani rawatan dan pemulihan dadah di Klinik *Cure & Care* Tampoi. Menyedari trend penagihan dan penyalahgunaan dadah sintetik yang semakin meningkat, AADK akan menambah beberapa buah pusat pemulihan untuk rawatan dadah sintetik di Kota Bharu, Papar, Bukit Mertajam dan Kuching bagi membantu penagih dadah jenis sintetik ini.

Kementerian melalui Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga melaksanakan tindakan berterusan bagi memutuskan bekalan dadah, termasuk dadah sintetik ke negara ini dengan tindakan seperti berikut:

- a) Memperluaskan jaringan kerjasama di peringkat antarabangsa dan tempatan dalam berkongsi maklumat risikan serta menjalankan operasi bersama.
- b) Mempergiatkan tindakan penguatkuasaan oleh *Special Tactical Intelligence Narcotics Group* (STING) untuk membanteras *drug kingpin*, sindiket pengedaran dadah berskala besar dan makmal haram memproses dadah.
- c) Mempertingkatkan pengumpulan maklumat risikan sempadan melalui Unit Risikan Sempadan di Jitra, Kedah serta dua lagi

unit yang baru ditubuhkan di Rantau Panjang, Kelantan dan Pengkalan Hulu, Perak.

- d) Memperkasakan penguatkuasaan dan pemantauan di sempadan dengan menempatkan Unit Teknikal Imbasan Kenderaan (UTIK).
- e) Mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas *drug kingpin* dan individu yang menjadi dalang kegiatan pengedaran dadah.
- f) Melumpuhkan sumber kewangan individu atau sindiket pengedaran dadah melalui penyitaan harta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988.
- g) Menjalankan kerjasama dengan syarikat pembekal bahan kimia tempatan untuk mendapatkan maklumat dalam menjalankan siasatan secara terperinci dan menyediakan profiling bagi mengenal pasti sumber serta laluan pemesongan prekursor dan bahan kimia oleh sindiket pengedaran dadah dalam membanteras makmal dadah.

Hasil daripada tindakan penguatkuasaan yang dijalankan, PDRM telah berjaya menangkap 135,240 orang di atas pelbagai kesalahan dadah serta merampas pelbagai jenis dadah bernilai RM 153.22 juta bagi tempoh Januari sehingga Ogos tahun ini. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 18 buah makmal dadah telah dibongkar. PDRM juga telah mengambil tindakan pencegahan di bawah Akta Dadah

Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 ke atas 732 orang serta menyita pelbagai harta bernilai RM 73.75 juta di bawah Akta Dadah Berbahaya (Perlucutan Harta) 1988.